



---

**PEKELILING KEMENTERIAN EKONOMI**

**BIL. 1 TAHUN 2024**

---

**PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN PENGURUSAN NILAI (*VALUE MANAGEMENT* – VM) DALAM PROGRAM/PROJEK KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN GARIS PANDUAN DAN PERATURAN BAGI PERANCANGAN BANGUNAN EDISI TAHUN 2024**

## 1. TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua Kementerian, Kerajaan Negeri, Jabatan Persekutuan dan juga Badan Berkanun Persekutuan mengenai:

### 1.1. Penambahbaikan pelaksanaan Pengurusan Nilai (Value Management – VM) berkenaan:

- 1.1.1 Kenaikan nilai ambang (threshold) bagi pelaksanaan Pengurusan Nilai;
- 1.1.2 Keanggotaan Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK), Kementerian Ekonomi;
- 1.1.3 Penetapan tempoh sah laku atau *validity* projek selepas diluluskan;
- 1.1.4 Pengecualian pelaksanaan Pengurusan Nilai Peringkat Kejuruteraan Nilai (VE) bagi program/projek selain Fizikal – Pembinaan; dan
- 1.1.5 Pelaksanaan Pengurusan Nilai Strategik (*Value Management Strategik - VMS*) dalam Pengurusan Nilai (VM).

### 1.2. Pemakaian Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2024.

## 2. LATAR BELAKANG

2.1. Pengurusan Nilai (VM) merupakan *management tool* yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk mengkaji dan menilai sesuatu program/projek dengan memberi tumpuan kepada nilai untuk wang (*value for money*). Secara amnya, Pengurusan Nilai adalah satu pendekatan pelbagai disiplin yang sistematik dan inovatif untuk mengkaji keperluan fungsi sesuatu reka bentuk, produk, perkhidmatan, projek, fasiliti dan sistem bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos yang optimum tanpa menjejaskan tahap prestasi sebenar.

2.2. Pelaksanaan Pengurusan Nilai melibatkan kitaran hayat program/projek bermula dari peringkat pewujudan sehingga peringkat pengoperasian.

2.3. Kerajaan telah menetapkan supaya Pengurusan Nilai dilaksanakan bagi program/projek fizikal bernilai RM70.0 juta dan ke atas yang menggunakan peruntukan pembangunan. Walau bagaimanapun, Kementerian/Agensi digalakkan untuk menggunakan pendekatan Pengurusan Nilai bagi program/projek terpilih walaupun bernilai kurang daripada RM70.0 juta. Di samping itu, Kementerian Ekonomi juga berhak menetapkan mana-mana program/projek untuk dilaksanakan Pengurusan Nilai.

- 2.4. Projek-projek bangunan Kerajaan yang bernilai RM5.0 juta hingga RM70.0 juta dan kerja ubah suai bangunan dengan nilai RM1.0 juta ke atas perlu mendapatkan kelulusan JSK sebelum projek boleh dilaksanakan.
- 2.5. Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2024 adalah penambahbaikan kepada Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015 yang telah mengambil kira keperluan semasa seperti di bawah:
  - 2.5.1 Pematuhan kepada Akta-akta, Undang-Undang Kecil dan keperluan Pihak Berkuasa Tempatan;
  - 2.5.2 Dasar operasi dan fungsi; dan
  - 2.5.3 Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi.

### **3. PERATURAN MELAKSANAKAN PENGURUSAN NILAI (VM)**

#### **3.1. Peringkat Pelaksanaan Pengurusan Nilai (VM)**

Kerajaan telah menetapkan supaya pendekatan Pengurusan Nilai (VM) dilaksanakan dalam empat (4) peringkat seperti berikut:

##### **3.1.1 Pengurusan Nilai Strategik (Value Management Strategik - VMS)**

VMS dilaksanakan pada peringkat pewujudan program/projek oleh Kementerian/Agensi bersama Jabatan Teknik sebelum butiran projek diluluskan oleh Kementerian Ekonomi. Pelaksanaan VMS adalah sebahagian daripada inisiatif *Value At Entry (VAE)* yang meliputi *Acquisition Categorization (ACAT)*, Pengurusan Nilai Strategik (VMS) dan Gerbang Nilai 0 (GN0);

##### **3.1.2 Kajian Nilai (Value Assessment – VA)**

VA dilaksanakan pada peringkat awal perancangan program/projek selepas projek diluluskan oleh Kementerian Ekonomi dengan tujuan untuk menentusahkan skop dan mendapatkan anggaran kos. Kajian ini perlu penglibatan secara aktif, termasuk Bahagian Penyelaras Projek di Kementerian Ekonomi serta kehadiran wakil daripada Kementerian/Agensi Pemilik Projek bersama wakil Jabatan Teknik/Agensi Pelaksana dan pemegang taruh yang berkaitan dengan program/projek tersebut;

##### **3.1.3 Kejuruteraan Nilai (Value Engineering – VE)**

VE dilaksanakan pada peringkat pembangunan reka bentuk yang bertujuan untuk memenuhi fungsi dan mengoptimumkan reka bentuk program/projek sebelum perolehan dibuat. Kajian ini hendaklah

dilaksanakan dengan penglibatan secara aktif daripada Kementerian/Agensi Pemilik Projek bersama Jabatan Teknik/Agensi Pelaksana dan pemegang taruh yang berkaitan dengan program/projek tersebut; dan

#### 3.1.4 **Semakan Nilai (Value Review - VR)**

VR bertujuan untuk menilai objektif dan pencapaian *outcome* sesuatu program/projek berbanding dengan objektif dan *outcome* yang telah ditetapkan pada peringkat perancangan. Kajian ini perlu dilaksanakan setelah projek siap dan beroperasi sepenuhnya.

### 3.2. **Prosedur Melaksanakan Pengurusan Nilai (VM)**

3.2.1 Perancangan dan penjadualan VA perlu dilaksanakan dan dipersetujui bersama Kementerian Ekonomi serta perlu dikemas kini oleh Kementerian/Agensi Pemilik Projek dalam sistem **VMQLAB** (<https://vmqlab.ekonomi.gov.my>).

3.2.2 Secara amnya Pengurusan Nilai (VM) dilaksanakan melalui pendekatan Makmal dengan turutan aktiviti seperti berikut:

#### i. **Pra-Makmal**

Membuat perancangan dan persediaan Makmal untuk mengumpul maklumat seperti brif projek, objektif, *outcome*, skop dan anggaran kos serta mengadakan lawatan ke tapak projek;

#### ii. **Makmal**

Melaksanakan Makmal yang merangkumi enam (6) fasa, iaitu Fasa Maklumat, Fasa Analisis Fungsi, Fasa Kreativiti, Fasa Penilaian, Fasa Pembangunan dan Fasa Pembentangan; dan

#### iii. **Pasca-Makmal**

Mengambil tindakan susulan keputusan yang dicapai semasa Makmal.

### 3.3. Tanggungjawab Kementerian/Agensi

Kementerian/Agensi hendaklah:

- 3.3.1 Melantik pegawai khusus yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan Pengurusan Nilai (VM) untuk memastikan semua maklumat dan persediaan Makmal dibuat dengan berkesan serta memudahkan komunikasi antara agensi;
- 3.3.2 Membuat persediaan rapi sebelum melaksanakan Makmal dengan menetapkan keperluan dan fungsi asas projek, serta memastikan tiada percanggahan antara skop dan anggaran kos projek;
- 3.3.3 Memastikan semua maklumat dan dokumen asas yang diperlukan seperti brif projek, latar belakang, objektif, kajian tapak projek, keperluan sistem, peralatan, konsep reka bentuk dan keperluan teknikal lain adalah lengkap. Kegagalan Kementerian/Agensi menyediakan maklumat serta dokumen yang diperlukan ini boleh menjejaskan penetapan tarikh pelaksanaan Makmal;
- 3.3.4 Menyediakan peruntukan logistik (tempat, penginapan, pengangkutan dan lain-lain) yang berkaitan untuk melaksanakan Makmal;
- 3.3.5 Mendapatkan khidmat pegawai pakar dalam bidang tertentu yang diperlukan semasa Makmal, sama ada daripada agensi-agensi Kerajaan atau swasta yang berkaitan;
- 3.3.6 Memastikan semua agensi yang terlibat memberi kebenaran dan pelepasan kepada pegawai yang mempunyai kepakaran berkaitan untuk hadir bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Makmal;
- 3.3.7 Melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai mengikut prosedur yang ditetapkan seperti di Para 3.2;
  - i. Memastikan semua pemegang taruh yang hadir semasa sesi Makmal boleh membuat keputusan, memberikan pandangan serta memberi penjelasan berkaitan keperluan projek; dan
  - ii. Mematuhi keputusan yang telah dipersetujui semasa Makmal dan memastikan kesinambungan sesuatu keputusan.

### **3.4. Laporan Makmal Pengurusan Nilai (VM)**

Laporan yang disediakan hasil daripada sesi Makmal, merupakan dokumen penting yang merekodkan hasil dapatan kajian dan membolehkan sebarang keputusan atau persetujuan dalam Makmal tersebut dirujuk semula dan rasionalnya difahami. Kementerian/Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan tindakan berikut dilaksanakan:

- 3.4.1 Laporan Makmal disiapkan dan ditandatangani bersama oleh semua pemegang taruh;
- 3.4.2 Salinan laporan yang telah disempurnakan (softcopy dan hardcopy), diedarkan kepada pihak yang berkaitan seperti:
  - i. Agensi Pelaksana yang berkenaan;
  - ii. Jabatan Audit Negara;
  - iii. Bahagian yang berkaitan di Kementerian Ekonomi; dan
  - iv. Bahagian Pengurusan Nilai, Kementerian Ekonomi.
- 3.4.3 Sebarang perubahan dasar, keputusan dan/atau arahan baharu daripada mana-mana pihak yang dibuat selepas persetujuan Makmal ditandatangani tidak dimasukkan atau dianggap sebagai sebahagian keputusan Makmal;
- 3.4.4 Tindakan susulan diambil bagi memastikan keputusan dan persetujuan yang telah dicapai dalam Makmal dipatuhi dan dilaksanakan;
- 3.4.5 Dokumen sokongan yang berkaitan seperti brif projek, justifikasi skop, butiran anggaran kos, senarai peralatan dan/atau sistem yang dipersetujui dan lain-lain maklumat disertakan sebagai lampiran kepada laporan; dan
- 3.4.6 Salinan laporan berkaitan disimpan bagi tujuan rujukan dan rekod.

### **3.5. Ketidapatuhan Pelaksanaan Pengurusan Nilai (VM) Peringkat Kajian Nilai (VA)**

Penyaluran peruntukan daripada Kementerian Ekonomi akan terjejas sekiranya:

- 3.5.1 Pelaksanaan VA bagi program/projek Kerajaan tidak dilaksanakan;
- 3.5.2 Keputusan yang dicapai semasa VA tidak ditandatangani atau

dipersetujui bersama oleh semua pemegang taruh utama; dan/atau

3.5.3 Laporan Makmal gagal disiapkan tanpa sebab-sebab yang munasabah.

#### **4. JAWATANKUASA STANDARD DAN KOS (JSK) KEMENTERIAN EKONOMI**

- 4.1. Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK) ditubuhkan bagi menimbang dan meluluskan skop dan kos bagi sesebuah projek bangunan yang diluluskan. Selain itu, JSK bertujuan untuk mengoptimumkan sumber dan meningkatkan keberkesanan skop dan kos projek bagi membantu Kementerian/Agensi dalam merancang dan mereka bentuk projek-projek bangunan;
- 4.2. JSK juga sentiasa berusaha untuk memastikan perbelanjaan projek bangunan mendapat faedah yang maksimum dan dilaksanakan dengan kos yang optimum;
- 4.3. Kerajaan telah menetapkan bahawa projek-projek bangunan Kerajaan yang bernilai RM5.0 juta hingga RM70.0 juta perlu mendapatkan kelulusan JSK yang diurussetiakan oleh Bahagian Pengurusan Nilai, Kementerian Ekonomi sebelum projek ditender/dilaksanakan.
- 4.4. Selain projek-projek bangunan bernilai RM5.0 juta hingga RM70.0 juta, permohonan untuk kelulusan JSK ini turut merangkumi;
  - 4.4.1 ubah suai bangunan/pejabat (termasuk bangunan pejabat yang disewa) yang nilai kerjanya RM1.0 juta ke atas; dan
  - 4.4.2 permohonan penyewaan ruang pejabat di premis bukan milik Kerajaan Persekutuan.
- 4.5. Projek-projek bangunan bernilai kurang daripada RM5.0 juta, tidak perlu dikemukakan untuk kelulusan JSK tetapi mestilah mematuhi keperluan Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2024;
- 4.6. Semua projek bangunan yang menggunakan sumber kewangan Kerajaan Persekutuan, sama ada sebagai pinjaman atau secara langsung (*grant*) juga tertakluk kepada syarat ini.

4.7. Keanggotaan JSK, Kementerian Ekonomi adalah seperti berikut:

Pengerusi:

Pengarah Bahagian Pengurusan Nilai

Ahli-ahli:

- i. Timbalan Pengarah BPN (Arkitek) atau wakil;
- ii. Timbalan Pengarah BPN (Jurutera Mekanikal/ Elektrik) atau wakil;
- iii. Timbalan Pengarah BPN (Jurutera Awam) atau wakil; dan
- iv. Timbalan Pengarah BPN (Jurukur Bahan) atau wakil.

Setiausaha

Penyelaras projek di Bahagian Pengurusan Nilai.

Kuorum

Keahlian minimum bagi Mesyuarat JSK adalah seramai empat (4) orang ahli termasuk pengerusi

4.8. Dalam keadaan di mana Pengerusi JSK tidak dapat mempengerusikan mesyuarat, beliau boleh menamakan mana-mana ahli untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut.

4.9. Butiran dan format permohonan adalah seperti senarai di **Lampiran A, A1** dan **A2** yang disertakan.

## **5. GARIS PANDUAN DAN PERATURAN BAGI PERANCANGAN BANGUNAN EDISI TAHUN 2024**

5.1. Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2024 adalah penambahbaikan kepada Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015.

5.2. Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2024 yang diterbitkan oleh Kementerian Ekonomi hendaklah dipatuhi dan dijadikan rujukan dalam mereka bentuk bangunan Kerajaan supaya ia dirancang dan dilaksanakan dengan penggunaan kos yang optimum di samping memenuhi keperluan fungsinya.



## 6. PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN

- 6.1. Kementerian/Agensi hendaklah mengguna pakai garis panduan berikut dalam pelaksanaan Pengurusan Nilai (VM) dan kelulusan JSK:
  - 6.1.1 Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2024 yang diterbitkan oleh Kementerian Ekonomi;
  - 6.1.2 Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai Dalam Program/Projek Kerajaan yang dikeluarkan oleh UPE, JPM pada 24 Mei 2011 atau edisi terkini; dan
  - 6.1.3 Panduan Pemakaian Inisiatif *Value At Entry* (ACAT, VMS, GN0) di Fasa Perancangan oleh Agensi Pelanggan yang dikeluarkan oleh Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia.
- 6.2. Pelaksanaan Pengurusan Nilai - Peringkat Kajian Nilai (VA) dan kelulusan JSK bagi projek bangunan dan ubah suai hendaklah dilaksanakan dalam tahun semasa projek diluluskan.
- 6.3. Tempoh sah laku atau *validity* program/projek ditetapkan **dua (2) tahun dari tarikh kelulusan projek**. Semua program/projek yang tidak ditender atau dilaksanakan dalam tempoh sah laku tanpa sebarang justifikasi yang dipersetujui Kementerian Ekonomi, program/projek tersebut akan dipertimbangkan untuk dibatalkan atau digugurkan.
- 6.4. Pengecualian pelaksanaan Pengurusan Nilai - Peringkat Kejuruteraan Nilai (VE) diberikan kepada semua program/projek selain Fizikal - Pembinaan. Walau bagaimanapun, bagi program/projek Fizikal – Kelengkapan/Peralatan (ICT) yang diluluskan, Kementerian/Agensi hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) terlebih dahulu sebelum projek dilaksanakan.
- 6.5. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara pekeliling ini dengan dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 di atas, maka pekeliling ini perlu dijadikan rujukan duluan dan terguna pakai.

- 6.6. Semua permohonan untuk kelulusan atau sebarang pertanyaan berhubung pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Ekonomi  
Menara Prisma, No 26, Persiaran Perdana  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 Putrajaya.  
**(u.p: Pengarah Bahagian Pengurusan Nilai)**  
Telefon: 03-80902555  
Emel : [usetia.jskvm@ekonomi.gov.my](mailto:usetia.jskvm@ekonomi.gov.my)

## 7. PERMOHONAN PENGECCUALIAN

- 7.1. Sebarang permohonan pengecualian pelaksanaan mana-mana fasa Pengurusan Nilai ataupun permohonan pengecualian pematuhan keperluan JSK akan hanya dipertimbangkan melalui permohonan rasmi kepada Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi.
- 7.2. Setiap permohonan pengecualian perlu menyatakan dengan jelas berkenaan:
- 7.2.1 Fasa pengecualian yang dimohon sama ada kelulusan JSK, VA, VE atau VR;
  - 7.2.2 Tajuk dan butiran projek (Merujuk kepada MyProjek); dan
  - 7.2.3 Justifikasi permohonan pengecualian.
- 7.3. Keputusan pengecualian yang diputuskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi adalah muktamad.

## 8. PEMBATALAN

Dengan terbitnya Pekeliling Kementerian Ekonomi Bilangan 1 Tahun 2024 ini, Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2015 adalah **terbatal** .

## **9. TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa dari tarikh dokumen ini ditandatangani.

**" MALAYSIA MADANI"**

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
**(DATO' NOR AZMIE DIRON)**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Ekonomi.

31 Mei 2024

22 Zulkaedah 1445H

**PERMOHONAN KELULUSAN STANDARD DAN KOS**

Permohonan bagi:


- Perancangan projek bangunan yang bernilai RM5.0 juta sehingga kurang daripada RM70.0 juta;
- Kerja-kerja ubah suai pejabat yang bernilai RM1.0 juta ke atas; dan
- Permohonan sewaan ruang pejabat di premis swasta.  
(Sila Rujuk Lampiran E, Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2011 untuk **Borang JRP** yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM).

Dikemukakan kepada :

Ketua Setiausaha  
Kementerian Ekonomi  
Menara Prisma  
No 26, Persiaran Perdana  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 Putrajaya.  
**(u.p: Pengarah Bahagian Pengurusan Nilai)**

Telefon: 0380902555  
E-mel :usetia.jskvm@ekonomi.gov.my

1. Hanya diisi dengan menggunakan huruf besar.
2. Borang perlu diisi dengan lengkap. Sila isikan (-) bagi ruangan tidak berkaitan.
3. Kelulusan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Standard dan Kos, Kementerian Ekonomi. Keputusan Jawatankuasa adalah muktamad.
4. Perlu diingatkan bahawa "Mengemukakan maklumat / butiran palsu adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 199 Kanun Keseksaan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 3 tahun dan denda."

 <b>KEMENTERIAN EKONOMI</b>		<b>PERMOHONAN KELULUSAN STANDARD DAN KOS</b> Permohonan Bagi Perancangan Projek Bangunan
<b>BIL.</b>	<b>MAKLUMAT PEMOHON</b>	
1.	<b>KEMENTERIAN/AGENSI:</b>	
2.	<b>PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI:</b> Nama: No.Telefon: Alamat E-mel:	
<b>MAKLUMAT PROJEK</b>		
3.	<b>NAMA PROJEK *:</b>	
4.	<b>PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN *:</b>	
5.	<b>SKOP PROJEK (senaraikan):</b> - gunakan helaian yang berasingan, jika perlu	
6.	<b>KELUASAN BERSIH (m.p.):</b>	
7.	<b>KELUASAN KASAR (m.p.):</b>	
8.	<b>KAPASITI BANGUNAN / JUMLAH PERJAWATAN (Carta Organisasi):</b>	
9.	<b>ANGGARAN KOS PROJEK:</b> Salinan PDA (format JKR)	


## MAKLUMAT PROJEK

MAKLUMAT PROJEK	
	CATATAN:
10.	<p><b>DOKUMEN/MAKLUMAT YANG PERLU DISERTAKAN:</b> (hanya satu salinan setiap satu)</p> <p><input type="checkbox"/> <i>Schedule of Accommodation (SoA)</i></p> <p><input type="checkbox"/> Pelan Tapak dan Pelan Lantai</p> <p><input type="checkbox"/> Jadual Kemasan Lantai, Dinding dan Siling mengikut Kategori Bangunan</p> <p><input type="checkbox"/> Borang Penilaian Tapak (Pekeliling UPE, JPM Bil. 2 Tahun 2009)</p> <p><input type="checkbox"/> Laporan Siasatan Tanah (S.I) dan Laporan Syor Asas</p> <p><input type="checkbox"/> Keterangan Rekabentuk Struktur Bangunan</p> <p><input type="checkbox"/> Senarai Sistem Mekanikal dan Elektrikal</p> <p><input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan)</p>

- Nota:**
- (\*) Berdasarkan maklumat seperti di MyProjek
  - (m.p.) : meter persegi
  - Tandakan (√) di kotak yang berkenaan
  - Kelulusan permohonan yang lengkap akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja.

## UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Nama Penerima :	
Cop Jawatan/Bahagian :	
Catatan :	
	Cop Tarikh Terima Bahagian /Jabatan

 <b>KEMENTERIAN EKONOMI</b>		<b>PERMOHONAN KELULUSAN STANDARD DAN KOS</b> Kerja-Kerja ubah suai Pejabat Yang Bernilai RM1.0 juta Ke Atas
BIL.		MAKLUMAT PEMOHON
1.	<b>KEMENTERIAN / AGENSI:</b>	
2.	<b>PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI:</b> Nama: No. Telefon: Alamat Emel:	
MAKLUMAT PROJEK		
3.	<b>NAMA PROJEK *:</b>	
4.	<b>PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN *:</b>	
5.	<b>SKOP PROJEK (senaraikan):</b> - gunakan helaian yang berasingan, jika perlu	
6.	<b>KELUASAN BERSIH (m.p.):</b>	
7.	<b>KELUASAN KASAR (m.p.):</b>	
8.	<b>KAPASITI BANGUNAN / JUMLAH PERJAWATAN (Carta Organisasi):</b>	
9.	<b>ANGGARAN KOS PROJEK:</b> Salinan PDA (format JKR)	

## MAKLUMAT PROJEK

	DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN: <i>(hanya satu salinan setiap satu)</i>	CATATAN
10.	<input type="checkbox"/> <i>Schedule of Accommodation (SoA)</i> <input type="checkbox"/> Pelan Tapak dan Pelan Lantai <input type="checkbox"/> Jadual Kemas Lantai, Dinding dan Siling mengikut Kategori Bangunan  <input type="checkbox"/> Butiran Spesifikasi Kemas <input type="checkbox"/> Butiran Spesifikasi Kerja Hiasan Dalam ( <i>Interior Design</i> ) <input type="checkbox"/> Jadual dan Spesifikasi Kemas Luaran <input type="checkbox"/> Senarai/Laporan Skop Sistem Mekanikal dan Elektrikal yang terlibat dengan ubah suai <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan)	

**Nota:** - (\*) Berdasarkan maklumat seperti di MyProjek

- (m.p.) : meter persegi

Tandakan (√) di kotak yang berkenaan

- Kelulusan permohonan yang lengkap akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja

## UNTUK KEGUNAAN PEJABAT


Nama Penerima :

Cop Jawatan/Bahagian :

Catatan :

Cop Tarikh Terima  
Bahagian /Jabatan



	<b>KEMENTERIAN EKONOMI</b>	<b>PERMOHONAN KELULUSAN STANDARD DAN KOS</b> Permohonan Bagi Perancangan Projek Bangunan
<b>BIL. MAKLUMAT PEMOHON</b>		
1.	<b>KEMENTERIAN/AGENSI:</b>	
2.	<b>PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI:</b> Nama: No.Telefon: Alamat E-mel:	
<b>MAKLUMAT PROJEK</b>		
3.	<b>NAMA PROJEK *:</b>	
4.	<b>PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN *:</b>	
5.	<b>SKOP PROJEK (senaraikan):</b> - gunakan helaian yang berasingan, jika perlu	
6.	<b>KELUASAN BERSIH (m.p.):</b>	
7.	<b>KELUASAN KASAR (m.p.):</b>	
8.	<b>KAPASITI BANGUNAN / JUMLAH PERJAWATAN (Carta Organisasi):</b>	
9.	<b>ANGGARAN KOS PROJEK:</b> Salinan PDA (format JKR)	





## KEMENTERIAN EKONOMI

### SOALAN LAZIM (FAQ) PELAKSANAAN PENGURUSAN NILAI

---

#### **Pengenalan : Pengurusan Nilai (VM)**

**1. Apa itu Pengurusan Nilai (VM)?**

Pengurusan Nilai (VM) merupakan *management tool* yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk mengkaji/menilai program/projek dan memberi tumpuan kepada nilai untuk wang (value for money).

**2. Mengapakan Pengurusan Nilai perlu dilaksanakan?**

Pengurusan Nilai perlu dilaksanakan bagi mengkaji keperluan fungsi sesuatu reka bentuk, produk, perkhidmatan, projek, fasiliti dan sistem bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos yang optimum tanpa menjejaskan tahap prestasinya.

**3. Adakah Pengurusan Nilai melibatkan semua projek Kerajaan?**

Pelaksanaan Pengurusan Nilai (VM) melibatkan semua program/projek fizikal Kerajaan Persekutuan yang menggunakan peruntukan pembangunan sahaja.

**4. Bagaimanakah Kajian Nilai (VA) dilaksanakan?**

Kajian Nilai dilaksanakan melalui pendekatan Makmal dengan turutan aktiviti iaitu Pra Makmal, Makmal dan Pasca Makmal. Perancangan dan penjadualan Makmal Kajian Nilai perlu dilaksanakan dan dipersetujui bersama Kementerian Ekonomi serta perlu dikemaskini oleh agensi pemilik projek di dalam sistem VMQLAB (<https://vmqlab.ekonomi.gov.my>).

**BAHAGIAN A : PEKELILING KEMENTERIAN EKONOMI  
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

**5. Berapakah had nilai ambang bagi pelaksanaan Pengurusan Nilai terkini yang digunakan dalam pekeliling Kerajaan?**

Berdasarkan pekeliling Kementerian Ekonomi Bilangan 1 Tahun 2024, semua program/projek Kerajaan yang bernilai RM70.0 juta dan ke atas perlu melaksanakan Pengurusan Nilai sebelum projek boleh dilaksanakan.

**6. Mengapa nilai ambang dinaikkan kepada RM70 juta?**

Keperluan untuk menaikkan nilai ambang disebabkan faktor utama seperti berikut:

- i. Terdapat peningkatan kos yang ketara bagi program/projek bersaiz/berskala sama dari tahun 2009 sehingga tahun 2024; dan

- ii. Kenaikan harga bahan binaan di pasaran, kos upah yang tinggi dan kadar inflasi semasa.
7. **Adakah projek bukan fizikal perlu melaksanakan semua peringkat Pengurusan Nilai (VM)?**  
Tidak perlu
8. **Bolehkah Kementerian/Agensi mendapat pengecualian dari melaksanakan mana-mana peringkat dalam pengurusan nilai?**  
Permohonan pengecualian pengurusan nilai perlu dikemukakan melalui permohonan bertulis kepada KSU Kementerian Ekonomi dan keputusan adalah muktamad.
9. **Bolehkan program/projek bernilai bawah RM70.0 juta untuk melaksanakan pengurusan nilai?**  
Program/projek yang bernilai kurang dari RM70.0 juta digalakkan untuk menggunakan pendekatan Pengurusan Nilai dan Kementerian Ekonomi berhak menetapkan mana-mana program/projek yang difikirkan perlu untuk melaksanakan Pengurusan Nilai.

**10. Bolehkan program/projek bangunan ditender tanpa kelulusan Jawatankuasa Standard Dan Kos (JSK), Kementerian Ekonomi?**

Tidak. Program/projek bangunan perlu mendapat kelulusan JSK yang diurusetiaikan oleh Bahagian Pengurusan Nilai, Kementerian Ekonomi sebelum peringkat perolehan.

**11. Adakah program/projek yang telah diluluskan tetapi belum dilaksanakan dalam tempoh masa yang lama masih boleh diteruskan?**

Tidak. Semua program/projek yang tidak ditender dalam tempoh 2 tahun akan dibatalkan dan perlu dimohon semula dengan kajian kos semasa.

**BAHAGIAN B : GARIS PANDUAN DAN PERATURAN BAGI PERANCANGAN BANGUNAN (GPP) EDISI TAHUN 2024**

**12. Apakah fungsi GPP Edisi Tahun 2024?**

GPP Edisi Tahun 2024 adalah penambahbaikan kepada GPP Edisi Tahun 2015. GPP perlu digunakan dan dipatuhi oleh semua Kementerian/Agensi Persekutuan dalam merancang, merekabentuk dan melaksanakan semua perolehan projek fizikal bangunan yang dibuat secara pembinaan baru, pembelian, penyewaan, ubahsuai dan sebagainya.

**13. Apakah perubahan di dalam GPP Edisi Tahun 2024?**

Buku GPP Edisi 2024 mengandungi pindaan dan kemaskini ke atas beberapa maklumat terutamanya bagi penetapan ruang untuk bangunan pendidikan, kesihatan dan mahkamah. GPP Edisi Tahun 2024 juga melibatkan penambahbaikan yang merangkumi pindaan dalam bentuk penambahan, penggantian dan/atau pengguguran ke atas beberapa terminologi, klausa, pernyataan, ketetapan, tafsiran, penerangan dan jadual yang digunakan; validasi data dan norma keperluan yang tidak dicatat sebelum ini; pematuhan kepada akta, dasar, peraturan dan garis panduan semasa yang berkuatkuasa; dan pembetulan dan penyelarasan semula daripada sudut kandungan dan editorial secara keseluruhannya.

**PEJABAT/PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI**

**14. Siapakah yang perlu dihubungi bagi permohonan kelulusan atau pertanyaan lanjut berhubung Pekeliling Kementerian Ekonomi Bilangan 1 Tahun 2024 dan Garis Panduan Dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan (GPP) Edisi Tahun 2024?**

Semua permohonan untuk kelulusan, pengecualian atau sebarang pertanyaan berhubung pekeling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Ekonomi  
Menara Prisma, No 26, Persiaran Perdana  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 Putrajaya.

**(u.p: Pengarah Bahagian Pengurusan Nilai)**

Telefon: 03-80902555

Emel : [usetia.jskvm@ekonomi.gov.my](mailto:usetia.jskvm@ekonomi.gov.my)

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
**(DATO' NOR AZMIE DIRON)**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Ekonomi.

31 Mei 2024